

# Angkat imej harumanis

**P**RESIDEN Persatuan Alumni UPM, Datuk Seri Diraja Syed Razlan Jamalullail selaku penasihat bengkel berkata, cetusan idea mengadakan bengkel tersebut adalah untuk mengangkat semula imej tanaman ini yang pernah dilanda pelbagai kontroversi sebelum ini.

Beliau yakin mangga harumanis mempunyai potensi untuk dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi seperti tanaman durian yang kini mendapat permintaan tinggi di Singapura, China dan Hong Kong.

“Sebagai anak jati Perlis, idea mengadakan bengkel ini sebagai sumbangan peribadi saya untuk mencapai tanda aras penambahbaikan, sekali gus memajukan industri pertanian dan ekonomi negeri Perlis,” ujarnya.

Satu tarikan dan kejutan pada bengkel tersebut, iaitu peserta diberi peluang menikmati dan merasai pau harumanis yang merupakan antara produk makanan inovasi terkini yang dihasilkan daripada peserta industri asas tani bawah kelolaan pihak FAMA. Lebih 300 biji pau diedarkan dan dinikmati peserta dan tetamu yang hadir dalam bengkel ini.

Satu demonstrasi penggunaan dron dinamakan *Octo Sprayer* bagi semburan racun dan baja mencuri perhatian peserta yang hadir.

Penggunaan teknologi tersebut sebagai aset yang berpotensi untuk diketengahkan dalam bidang pertanian.

Gerai pameran dari organisasi-



AHMAD SHABERY CHEEK (tengah), Azlan Man (kanan) dan Syed Razlan Jamalullail menunjukkan mangga harumanis pada majlis penutupan Bengkel Memperkasa Mangga Harumanis di Arau, Perlis baru-baru ini.

organisasi terlibat seperti MARDI, Jabatan Pertanian, FAMA, NCIA, USM dan Unimap turut diadakan bagi menarik minat pengunjung dan peserta sama ada dalam kalangan industri, penyelidik, petani dan pelajar.

Bengkel berkenaan merupakan peluang golongan tersebut untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan industri pertanian selain penyelidikan terbaru berkenaan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pemamer.

Pada bengkel ini diadakan satu perbincangan meja bulat yang meliputi topik-topik penting

mengenai harumanis.

Bengkel tersebut dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Antara tindakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam pembangunan industri harumanis adalah meluluskan peruntukan RM1 juta yang disalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

“Harumanis berpotensi untuk diperluas pasarannya hingga ke luar, bagaimanapun proses penghasilannya mestilah memenuhi kriteria dan kehendak pasaran pengguna dari luar negara,” katanya.



LADANG mempelam harumanis milik Jabatan Pertanian Perlis di Pusat Pertanian Bukit Bintang, Kangar merupakan ladang harumanis terbesar di Malaysia.